



# PENDIDIKAN MORAL

(PENDIDIKAN KHAS)

TINGKATAN  
**1**

PENDIDIKAN MORAL (PENDIDIKAN KHAS) TINGKATAN 1

RM9.00

ISBN 978-983-49-1215-4



9 789834 912154

FTK111001





# **RUKUN NEGARA**

**Bahawasanya Negara Kita Malaysia**

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,  
berikrar akan menumpukan  
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut  
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)



# **RUKUN NEGARA**

**Bahawasanya Negara Kita Malaysia**

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,  
berikrar akan menumpukan  
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut  
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

# PENDIDIKAN MORAL

(PENDIDIKAN KHAS)



**Penulis**

Norani binti Abd. Rahim  
Umah a/p Mugundan  
Pusparaj a/l Kandasamy

**Editor**

Mohd Hadi bin Roslan

**Pereka Bentuk**

Awaludin bin Mohd Arof

**Pelukis**

Ahmad Shaiful Akmal bin Yahya



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur

2016



**No. Siri Buku: 0040**

KK 370-221-0102011-49-1215-30101  
ISBN 978-983-49-1215-4

Cetakan Pertama 2016  
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2016

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)  
No. Faksimile: 03-21479643  
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Muka Taip Teks: Azim  
Saiz Muka Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:  
Sasyaz Holding Sdn. Bhd.,  
No. 29, Jalan PJU 3/48,  
Sunway Damansara Technology Park,  
47810 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

## **PENGHARGAAN**

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- SMK Bandar Baru Sri Petaling, Petaling Jaya.
- SMK Tunku Ampuan Durah, Seremban.
- SMK Telok Gadong, Klang.
- SMK Pantai Sepang Putra.
- SM Teknik Tawau.
- Jabatan Penerangan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Agensi Antidadah Kebangsaan.
- PLUS Malaysia Berhad.
- Portal infosihat ([www.infosihat.gov.my](http://www.infosihat.gov.my)).
- EMI Music Publishing Sdn. Bhd.

# KANDUNGAN

Pendahuluan iv

## **TEMA 1** Diri, Keluarga dan Persahabatan

Unit 1	Hidup Beragama atau Berkepercayaan	1
Unit 2	Kenali Potensi Diri	7
Unit 3	Hubungan Kekeluargaan	13
Unit 4	Hubungan Persahabatan	21

## **TEMA 2** Hubungan antara Diri, Komuniti dan Masyarakat

Unit 5	Kesejahteraan Hidup Berjiran	29
Unit 6	Keselamatan Kawasan Kediaman Tanggungjawab Bersama	37
Unit 7	Pemeliharaan Kebersihan Persekitaran	45
Unit 8	Amalan Gaya Hidup Sihat dalam Komuniti	55

## **TEMA 3** Moral, Peraturan dan Undang-Undang

Unit 9	Amalan Adab di Rumah	65
Unit 10	Ketagihan Membawa Mudarat	75
Unit 11	Akur akan Peraturan Sekolah	85
Unit 12	Lindungi Hak Asasi Kanak-kanak	97

## PENDAHULUAN

Buku Teks *Pendidikan Moral (Pendidikan Khas) Tingkatan 1* Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku ini berteraskan matlamat mata pelajaran, iaitu membentuk murid berkeperluan khas (MBK) yang berakhlak mulia dan berintegriti serta berpegang teguh kepada nilai universal berasaskan prinsip moral. Mereka ini kelak diharapkan akan menjadi anggota masyarakat yang membantu dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global.

Pembentukan MBK yang berakhlak mulia dapat direalisasikan dengan memfokuskan tiga domain, iaitu penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral. Ketiga-tiga domain ini diintegrasikan ke dalam 12 unit melalui Rancangan Pendidikan Individu (RPI) bagi memenuhi keperluan dan prestasi sedia ada MBK. Penulisan buku ini turut mengambil kira pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik pembelajaran dan pengajaran. Tujuannya untuk merangsang pemikiran yang lebih berfokus ke arah kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni termasuklah mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) serta pembelajaran abad ke-21. Program transisi kerjaya turut diterapkan dalam aktiviti seperti kemahiran asas, kemahiran insaniah dan kebolehkerjaan.

Diharapkan buku ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh murid dan guru bagi menjadikan pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Moral (Pendidikan Khas) sesuatu yang menyeronokkan. Selain itu, buku ini juga dapat meningkatkan pemahaman, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni dalam kalangan MBK.

**NORANI BINTI ABD. RAHIM  
UMAH A/P MUGUNDAN  
PUSPARAJ A/L KANDASAMY**

# PENERANGAN IKON BUKU TEKS

Secara keseluruhannya, buku ini disusun mengikut aras kesukaran dan mempunyai ikon-ikon yang bermakna. Tujuannya supaya buku ini bersifat mesra murid dan sentiasa menarik perhatian semasa digunakan. Yang berikut ialah ringkasan tentang maksud ikon-ikon, iaitu:



## TAHUKAH ANDA?

Teks, dialog, jadual dan sebagainya untuk memperkenalkan konsep keseluruhan sesuatu unit.

**KONSEP**

**TAHUKAH ANDA?**  
Baca dan faham.  
Istilah terbacalah cerita-hati bekas gurunya. Cikgu Zukhrif dalam mengajar sekolah kamu. Hati insan tersentuh kerana dia ialah anak kecil dalam cerita itu.

**JEJAK-JEJAK DELANGGARAN**  
Hak untuk mendapat keselamatan  
Tersentak hati melihat anak kecil bermain di kawasan korang-korang di sebuah bandar besar.

**Hak untuk mendapat perlindungan**  
Aku terserempak pula dengan anak gelandangan yang tidur di kaki lima. Saya melihat keadaan itu. Anak-anak ini sepatutnya mempunyai tempat tinggal.

**Hak untuk mendapat pendidikan**  
Alas usrahku, anak-anak ini dikurangkan ke sekolah untuk menerima ilmu. Saya mendedi insaan yang berguna. Teringat anak-anak ini juga.

**SANTIAZ MINDA**  
1. Sapakah Izzah? Berikan latar belakang Izzah dalam cerita ini.  
2. Berikan contoh hak keselamatan kanak-kanak dalam cerita di atas.  
3. Bagaimanakah Izzah boleh membaca jasa Cikgu Zukhrif dan sekolahnya?

• Berikan maklumat lanjut dan penerangan terperinci kerana hak Izzah berkaitan dengan hak keselamatan.



## MARI FAHAMI

Aktiviti pengukuhan untuk memberikan kefahaman mendalam tentang konsep unit berkenaan.

**PENGUKUHAN**

**MARI FAHAMI** Saya Berhak Bersekolah  
Baca dan faham.  
Bersempena dengan Hari Kanak-kanak Sedunia, Unang dan rakannya menghadiri Rancangan Hak Asasi Kanak-kanak di Jabatan Kemajuan Orang Asli.

**Keperluan bersekolah**  
• Saya perlu bersekolah kerana di sekolah:  
• dapat ilmu pengetahuan  
• ada kemudahan pembelajaran  
• ada sesutu untuk murid yang terputus  
• Saya mahu menjadi orang yang berilmu  
• Saya dapat berinteraksi dengan rakan  
• Saya boleh mengubah taraf hidup  
• Saya boleh berfikir kepada masa depan

**Keperluan bersekolah**  
• Banyak perkara yang perlu saya pelajari  
• Saya boleh mengembangkan potensi diri  
• Saya mahu menjadi orang yang berilmu  
• Saya dapat berinteraksi dengan rakan  
• Saya boleh mengubah taraf hidup  
• Saya boleh berfikir kepada masa depan

**SPEK MESRA:**  
**PAWAM** - Kumpulan Wang Amanah Pekerja Melayu, (gajarnya pentadbiran) itu pada dasarnya yang kemudiannya merupakan dana untuk pembangunan masyarakat yang baik dan adil. Ia adalah satu organisasi yang berkeadilan yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat yang kurang berkemampuan.



## MARI HAYATI

Dengarkan Rintihan Kami  
Baca lautan hati mangsa desa di bawah.

Dengarkan rintihan kami.

Kami kanak-kanak yang tidak berdaya. Badan kami kecil dan tidak berupaya melawan tenaga orang dewasa yang mendera kami. Aduh! Tidak tertanggung akhirnya apabila badan kami dicuak-pungut rokok, dirantai sehingga berdehah malah ada yang diraba dan dirogol. Kadang-kadang kami dihina. Kami tidak tahu apa kesalahan yang telah kami lakukan.

Kami tahu ibu bapa kami hidup terkejut. Hari-hari memburukkan duit untuk membayar kami makan. Pakdati pula tidak lagi mahu menerima hutang kerana hutang lama masih belum berbayar. Akhirnya, ibu bapa kami mengalami tekanan perasaan. Kamulah yang menjadi mangsa keadaan.

Ibu bapa seketam.

Kami ingin hidup sihat dan gembira seperti kanak-kanak lain. Berilah kami peluang untuk membesar dan beribakti kepada orang tua. Terima kasih diucapkan kepada ibu bapa yang prihatin dan mengabdikan kesihatan kami kepada pihak berkuasa. Hati kami amat saya apabila melihat ibu bapa yang kami sayang kini terpaksa akur tindakannya sendiri. Namun, apakah daya kami!



## MARI HAYATI

Aktiviti pemulihan yang menarik dan menghiburkan bagi MBK yang kurang menguasai konsep.

**PENGAYAAN**

**MARI SELAMI** Lindungi Hak Asasi Kanak-kanak  
Baca teks soal jawab semasa sesi sidang video di bawah.  
Empat orang murid daripada Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) telah mengadakan sidang video dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat UKM.

**Situasi**  
Bolehkah puan jelaskan hak keselamatan kanak-kanak yang sering dipabikari?  
Banyak ke-ibu bapa meninggalkan kanak-kanak bersendirian atau tanpa pengawasan. Contohnya, ibu atau bapa meninggalkan anak di dalam kereta kerana mambeli barang. Akibatnya, kereta dan anak dikanal oleh penjahat.



## MARI SELAMI

Aktiviti pengayaan untuk mencabar MBK yang mempunyai pengetahuan aras tinggi.



## DUGA ILMU

Soalan-soalan bagi mengukur kefahaman murid tentang perkara yang telah dipelajari.

**LATIHAN**

**DUGA ILMU**  
A. Isi petak tempat kosong di bawah dengan menulis tindakan yang sesuai.


Menelekan pikul berkulasa	Mengucapkan terima kasih
Membawa anaknya bersema	Rajin ke sekolah
<b>Situasi</b>	<b>Tindakan</b>
Saya mahu menjadi orang yang baik dan berguna.	→
Saya sering mendengar anak jiran menangis kerana ditinggalkan di rumah.	→
Enak Yeaw meninggalkan anak kecilnya untuk mengisap rokok kerato.	→
Ibu menghantar saja ke sekolah untuk memotong ilmu dan kemahiran.	→



# PANDUAN PENGGUNAAN BUKU TEKS



Agama  
di Malaysia



Soalan yang menguji pemikiran kritis, pemikiran kreatif, pemikiran logik dan metakognitif. Soalan disesuaikan dengan tahap kognitif murid berkeperluan khas.

Imbas kod menggunakan gajet semasa untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam bentuk video atau dokumen lain bagi menarik minat murid.

Panduan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti yang dikemukakan. Pada nota guru juga tertera nombor standard pembelajaran.

Aktiviti *hands on* secara berkumpulan bagi meningkatkan penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral.

Aktiviti terancang murid berkeperluan khas khusus untuk sesi terapi seperti terapi pertuturan, terapi permainan, terapi muzik dan terapi cara kerja.

Menjelaskan maksud sesuatu perkataan yang sukar difahami dalam teks bagi memberikan kefahaman kepada murid.

Maklumat tambahan dan terkini yang berkaitan dengan isu yang dikemukakan.

Aktiviti pentaksiran dalam pelbagai cara untuk menguji kefahaman murid dalam pembelajaran dan pengajaran.



# HIDUP BERAGAMA ATAU BERKEPERCAYAAN

TEMA I: Diri, Keluarga dan Persahabatan



## TAHUKAH ANDA?

Perhatikan gambar dan jawab soalan di bawah.

masjid



kuil



tokong



gereja



gurdwara



### INFO BESTARI

Sesetengah masyarakat di Malaysia mengamalkan animisme. Animisme ialah kepercayaan bahawa setiap benda seperti batu dan kayu mempunyai semangat atau roh.

Agama di Malaysia



## SANTAI MINDA

1. Sebutkan agama dan kepercayaan yang terdapat di negara kita.
2. Pernahkah anda mengunjungi tempat ibadat?



- Bimbing murid mengaitkan gambar dengan agama dan kepercayaan.
- Minta murid mencari maklumat agama dan kepercayaan di Malaysia daripada pelbagai sumber.

Nilai: Kepercayaan kepada Tuhan, Hormat, Bertanggungjawab





## MARI FAHAMI Kenali Agama Rakan-rakan

Kepercayaan kepada Tuhan ialah perkara asas dalam kehidupan manusia. Amalan ibadat rakyat Malaysia berbeza mengikut agama. Kita harus menghormati amalan dan kepercayaan setiap kaum untuk mengekalkan keharmonian dan perpaduan negara.




Amin mengerjakan solat secara berjemaah di masjid. Dia memakai pakaian yang menutup aurat.

2

Wei Lin dan ayahnya membakar colok di tokong sebagai tanda hormat. Dia berdoa dengan ikhlas.



3



Rekha membawa bunga ke kuil untuk persembahan dewa. Dia menanggalkan kasut sebelum memasuki kuil.

4

Gerald pergi ke gereja pada setiap hari Ahad. Dia memberikan tumpuan semasa bacaan kitab *Bible*.



## SANTAI MINDA

Mengapakah kita perlu menghormati amalan agama rakan-rakan?

2

- Bimbing murid memahami amalan agama dan kepercayaan masyarakat Malaysia.
  - Bimbing murid menyenaraikan amalan agama dan kepercayaan yang lain.
  - Bimbing murid menyatakan kepentingan menghormati amalan agama lain.
- Nilai: Kepercayaan kepada Tuhan, Hormat, Bertanggungjawab





## MARI SELAMI

## Menghormati Amalan Agama Lain

Fahami situasi di bawah.



2

Tidak mengapa Mei,  
kami pun begitu juga.

1

Raju, biasanya kami berdoa  
sebelum makan. Harap kamu  
tidak kisah.

### SANTAI MINDA

1. Pada pendapat anda, selain berdoa sebelum makan, bilakah kita berdoa?
2. Lafazkan doa berdasarkan situasi berikut:
  - a. kesejahteraan keluarga.
  - b. cemerlang dalam peperiksaan.

#### NOTA GURU

1.1.3  
1.1.4

- Bimbing murid menghormati amalan agama pelbagai kaum di Malaysia.
- Bimbing murid mempraktikkan amalan berdoa mengikut amalan agama dan kepercayaan masing-masing.

Nilai: Kepercayaan kepada Tuhan, Hemah Tinggi



# MARI HAYATI Amalan Agama

Cari perkataan yang berkaitan dengan amalan agama di Malaysia.

senyap

bersih

solat

aurat

vegetarian

doa

a	s	u	b	e	r	s	i	h
c	d	o	k	e	z	o	e	p
p	t	d	p	o	a	n	b	n
i	v	i	j	n	m	e	k	s
x	e	q	n	v	k	s	l	o
l	g	e	u	y	y	e	u	l
p	e	p	d	k	o	m	a	a
u	t	w	i	f	d	b	s	t
j	a	r	r	m	o	a	a	t
s	r	q	i	v	a	h	x	i
r	i	w	l	a	g	a	i	j
s	a	m	a	u	r	a	t	h
h	n	x	a	g	h	r	s	i
d	u	b	v	m	c	w	a	r
z	s	e	n	y	a	p	a	b




DUGA ILMU

A. Padankan amalan agama dengan tempat ibadat.



B. Lengkapi peta bulatan tentang amalan mulia di tempat ibadat.

### Amalan Mulia di Tempat Ibadat





## KENALI POTENSI DIRI



### TAHUKAH ANDA?

Baca dan fahami.

### Penampilan Diri Murid Cemerlang



Berpakaian bersih dan lengkap agar dihormati orang sekeliling.



Menghormati guru agar ilmu diperoleh berkat.



Rajin mengulang kaji pelajaran untuk menjadi pandai.



Memberikan tumpuan di kelas agar mudah faham.



### SANTAI MINDA

1. Nyatakan peraturan pakaian seragam sekolah yang lengkap.
2. Berikan contoh pakaian anda pada:
  - a. Hari Unit Beruniform Sekolah.
  - b. waktu Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.

Pakaian Seragam Sekolah



- Minta murid mengaitkan amalan pelajar cemerlang dengan cara mencapai cita-cita mereka.
  - Bimbing murid membuat penilaian mengenai penampilan diri melalui rakan sebaya.
- Nilai: Bertanggungjawab, Kasih Sayang, Hormat





**MARI FAHAMI**

**Tokoh Idola**

Baca biografi tokoh di bawah.

**TOKOH IDOLA**

**Nama**

Allahyarham Senator Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh

**Pendidikan**

- Sarjana Muda, State University of New York
- Sarjana, University of Illinois
- Doktor Falsafah, University of Illinois

**Penampilan diri**

- Sentiasa berpakaian kemas
- Sopan dan berbudi bahasa dalam pergaulan
- Berdikari dan tidak mudah berputus asa
- Berusaha menyalin buku teks kerana tiada bahan bacaan Braille



**Pencapaian tokoh**

- Dilantik sebagai Senator Dewan Negara
- Profesor Ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia



**PROJEK Poster Idola Saya**

Hasilkan poster idola saya.



Bahan dan peralatan



Tampal gambar idola

Nama: Felicia binti Mikat  
Kejayaan: Olahragawati  
Paralimpik  
Kebangsaan 2015



Tulis maklumat idola

- Bimbing murid memahami teks dan menghayati penampilan diri tokoh di atas.
  - Bimbing murid menghias poster mengikut kreativiti.
  - Jelaskan kepentingan sikap rajin dan bertanggungjawab untuk mencapai matlamat.
- Nilai: Bertanggungjawab, Hemah Tinggi





## MARI SELAMI Penampilan Diri Terpuji

Teliti gambar dan bincangkan.



Memakai pakaian yang sesuai dan sopan semasa menghadiri majlis sambutan hari kelahiran rakan.



Menggunakan bahasa yang sopan apabila bercakap dengan ahli keluarga.



Berkongsi makanan yang dibawa dari rumah dengan rakan semasa waktu rehat.



1.2.1  
1.2.2  
1.2.3  
1.2.4

- Bimbing murid memahami penampilan diri terpuji dalam gambar.
  - Bimbing murid berbincang tentang kelebihan penampilan diri terpuji tersebut.
  - Rangsang murid melakukan perbincangan antara mereka.
- Nilai: Harga Diri, Hemah Tinggi





MARI HAYATI

## Kemas dan Rapi

Mari kita mengikat tali kasut untuk penampilan diri yang kemas dan rapi.



### AKTIVITI TERAPI



Langkah 1



Langkah 2



Langkah 3



Langkah 4



Langkah 5



Langkah 6



Langkah 7



Langkah 8



Langkah 9



- Bimbing murid melakukan aktiviti mengikat tali kasut.
- Bimbing murid menjelaskan kepentingan aktiviti di atas terhadap penampilan diri murid.

Nilai: Hemah Tinggi, Bertanggungjawab





## DUGA ILMU

A. Teliti penampilan diri pada gambar dengan bimbingan guru.



B. Lorekkan perkataan yang menunjukkan penampilan diri terpuji berpandukan gambar.

sombong

kemas

membuang  
sampah

selekeh

bertegur  
sapa

sopan

senyum

bercakap  
kasar

ceria

Perayaan  
di Malaysia

C. Isi tempat kosong dengan dialog yang betul.

Pak cik, mari saya pimpin.

Tahniah!

Emak, sila makan.

Bolehkah saya bantu?





## HUBUNGAN KEKELUARGAAN



### TAHUKAH ANDA?

Baca dan fahami.

Muka buku Utama Profil Rakan Peti masuk ?
Keluar  Q

**Saseeni**  
53 minit

Aktiviti saya pada hari ini bersama ibu tersayang. Memori indah kami.





 Suka
 Komen
 Kongsi

 215 orang yang lain menyukai ini.

**Ai Peng**

Wah, rajinnya kamu menolong anggota keluarga! 🙌

25 minit lalu ■ Suka • Balas

**Saseeni**

Terima kasih, Ai Peng. Membantu anggota keluarga, tanggungjawab kita.

20 minit lalu ■ Suka • Balas

**Christina**

Ya, kita dapat meluangkan masa dan memupuk kasih sayang antara anggota keluarga.

13 minit lalu ■ Suka • Balas

**John**

Saya selalu melayari Internet. Menyesal! Saya berjanji akan membantu anggota keluarga. 🙄

11 minit yang lalu ■ Suka • Balas

### SANTAI MINDA

Bagaimanakah cara anda menyayangi anggota keluarga?

- Bimbing murid memahami tanggungjawab mereka terhadap anggota keluarga.
- Bimbing murid membincangkan kepentingan menyayangi anggota keluarga.

Nilai: Kasih Sayang, Bertanggungjawab, Kerajinan

13



**MARI FAHAMI**


**Litar Moral**


Anda ingin membentuk keluarga bahagia. Antara nilai murni yang perlu diamalkan:

- kasih sayang
- hemah tinggi
- hormat
- bertanggungjawab

Untuk mencapai impian anda, tunjukkan nilai murni tersebut dalam aktiviti litar moral.

**Mari bermain**





### Cara bermain

- Aktiviti boleh dilakukan oleh dua atau lebih murid.
- Lontarkan dadu dan gerakkan kereta mengikut nombor dadu.
- Nyatakan tindakan dan amalan yang sesuai.
- Maju dua petak jika jawapan sesuai dan undur dua petak jika sebaliknya.
- Pemain pertama yang sampai ke garisan penamat ialah pemenang.



### SANTAI MINDA

Apakah yang akan terjadi sekiranya anggota keluarga tidak saling menghormati?





- Bimbing murid melakukan aktiviti di atas.
  - Bimbing murid mendapatkan hasil jawapan.
  - Bimbing murid mengaplikasikan nilai murni dalam hidup berkeluarga.
- Nilai: Hemah Tinggi, Hormat, Kasih Sayang, Bertanggungjawab





# MARI SELAMI Pesanan Kakak

Fahami pesanan berikut.



## SANTAI MINDA

Senaraikan pesanan kakak kepada adiknya yang sudah remaja.

- Bimbing murid memahami pesanan kakak.
  - Bimbing murid mengaplikasikan nilai murni berdasarkan situasi yang diberikan.
- Nilai: Hormat, Kasih Sayang, Bertanggungjawab



## MARI SELAMI Tanggungjawab Saya

Fahami perbualan berikut.



1 Nenek, apakah tanggungjawab saya dalam keluarga?

2 Kamu perlu bertingkah laku baik dan menghormati anggota keluarga.

3 Oh, begitu! Apakah yang patut saya lakukan?

4 Jauhi perbuatan buruk dan berikan layanan baik kepada mereka.

### SANTAI MINDA

Tandakan (✓) pada perkataan yang menunjukkan kebaikan mengamalkan tanggungjawab diri dalam keluarga.

hubungan harmoni

saling bergaduh

berasa dihormati

menjejaskan nama baik

nama baik terpelihara

sakit hati



- Bimbing murid merumuskan hasil jawapan.
  - Bimbing murid membincangkan tanggungjawab mereka dalam keluarga.
  - Bimbing murid mengaplikasikan nilai murni dalam hidup berkeluarga.
- Nilai: Bertanggungjawab, Hormat, Kasih Sayang



MARI HAYATI

## Kad Hari Ibu

Mari membuat kad untuk menghargai jasa ibu.



1 Sediakan peralatan dan bahan yang diperlukan.



2 Lipat kertas kepada dua bahagian.



3 Gunting bahagian tengah kertas.



4 Lipat bahagian tengah kertas yang digunting.



6 Buka lipatan kertas.



7 Hias kad mengikut kreativiti anda.



8 Kad yang telah siap.



SANTAI MINDA

Mengapakah kita perlu menghargai anggota keluarga?

Lagu Ibu



- Bantu murid membuat kad ucapan untuk ibu tersayang.
  - Bimbing murid cara menghargai ahli keluarga.
  - Bimbing murid memahami perasaan gembira apabila menerima penghargaan.
- Nilai: Berterima Kasih, Kasih Sayang, Kerajinan.





## DUGA ILMU


A. Lengkapi silang kata di bawah.

### Melintang

1. Sambutan hari \_\_\_\_\_ anggota keluarga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.
2. Keluarga \_\_\_\_\_ hidup dalam suasana gembira, aman dan saling menghormati antara satu sama lain.

### Menegak

3. Ibu berasa \_\_\_\_\_ jika saya bertanggungjawab kepada keluarga.
4. Jika melakukan kesalahan, kita haruslah mengakui dan meminta \_\_\_\_\_.
5. Kita boleh menunjukkan perasaan \_\_\_\_\_ kepada anggota keluarga dengan mengambil berat tentang diri mereka.
6. Pengorbanan dan \_\_\_\_\_ ibu bapa tidak terbalas.



B. Tandakan (✓) pada gambar yang menunjukkan perbuatan baik dan (✗) pada gambar yang menunjukkan perbuatan tidak baik.





## HUBUNGAN PERSAHABATAN



### TAHUKAH ANDA?

Fahami catatan diari Suwari.

15 Februari 2017 (Rabu)

Ekna rakan yang baik. Dia menghormati aku. Ekna selalu menggunakan bahasa yang sopan. Dia juga mengambil berat tentang diriku. Ekna sering menasihati aku menjaga tingkah laku. Dahulu aku nakal. Kini aku menjadi baik kerana pengaruhnya. Setiap petang, Ekna membimbing aku dalam pelajaran. Keputusan peperiksaan aku meningkat. Aku bangga bersahabat dengan Ekna.

16 Februari 2017 (Khamis)

Hari ini "Dia" mengajak aku ponteng sekolah dan melepak. "Dia" mengugut untuk memutuskan persahabatan jika aku tidak mahu mengikutnya. Aku menolak ajakan "Dia" dengan memberikan alasan menolong ibu. Aku tahu, melepak dan ponteng sekolah ialah perbuatan yang tidak bermoral. Bagaimanakah jika "Dia" masih mengajak aku ponteng? Apakah yang perlu aku lakukan?



### SANTAI MINDA

Siapakah rakan baik anda? Mengapakah anda memilihnya sebagai rakan? 



- Bimbing murid memahami ciri-ciri rakan sebaya yang baik.
  - Bimbing murid membincangkan kebaikan mempunyai rakan sebaya yang baik.
- Nilai: Bertanggungjawab, Kasih Sayang



**MARI FAHAMI**

**Bijak Memilih Rakan**

Fahami perbualan mereka.



1  
Selamat pagi, Amir.  
Seronoknya masuk  
ke tingkatan 1.

2  
Selamat pagi, Kumar.  
Saya juga seronok.



3  
Harap kita akan  
mendapat rakan  
yang baik.

4  
Ya. Rakan yang baik bersedia  
untuk membantu kita semasa  
kesusahan.



5  
Sikap hormat, ikhlas  
dan penyayang perlu  
diamalkan semasa  
berkawan.

6  
Betul! Itulah yang  
perlu kita amalkan.



**SANTAI MINDA**

Sebutkan contoh sikap rakan yang baik.

- Bimbing murid menyatakan jawapan yang betul.
  - Bimbing murid mengaitkan perbualan di atas dengan nilai murni.
- Nilai: Rasional, Hemah Tinggi, Hormat, Bertanggungjawab





## MARI FAHAMI

## Serindit dan Kerengga


Baca dan fahami cerita di bawah.




Kerengga dan serindit bersahabat baik. Mereka tinggal di Hutan Payang.



Pada suatu hari, kerengga terjatuh ke dalam sungai lalu menjerit meminta tolong.



Serindit menghulurkan ranting kayu untuk menyelamatkan kerengga.



Kerengga diangkat ke tebing sungai. Kerengga mengucapkan terima kasih.



## SANTAI MINDA

Senaraikan nilai murni daripada cerita di atas.



- Bimbing murid memahami dan menghayati cerita di atas.
  - Bimbing murid memahami nilai baik hati berdasarkan cerita di atas.
- Nilai: Baik Hati, Bertanggungjawab, Kasih Sayang, Kesyukuruan





**MARI SELAMI**

**Prihatin dalam Persahabatan**

Baca dan fahami situasi di bawah.

**Situasi 1**

1

Steven, mari kita minum air tebu ini.

2

Lim, sekarang bulan Ramadan. Jangan makan atau minum di hadapan mereka yang berpuasa. Kita mesti menghormati mereka.



**Situasi 2**

1

Wah, sedapnya lauk di gerai ini! Saya hendak belilah.

2

Siti, awak baru sahaja membeli lauk ayam dan ikan. Berjimatlah.



**SANTAI MINDA**

1. Adakah tindakan Lim betul?
2. Wajarkah tindakan Siti?
3. Lakonkan situasi di atas.



**MARI HAYATI**

## Gelang Tangan Persahabatan


Mari membuat gelang tangan persahabatan untuk menghargai rakan.




### AKTIVITI TERAPI




Sediakan bahan seperti yang di atas.




Regangkan getah pada batang ais krim.




Kaitkan getah kedua pada getah pertama.




Ulang langkah 2 dan 3 sehingga cukup panjang seperti yang dikehendaki.



Keluarkan getah dari batang ais krim.



Masukkan pencangkuk pada getah.




Sambungkan pencangkuk pada hujung getah.



Hias gelang tangan persahabatan mengikut kreativiti anda.



Contoh gelang tangan persahabatan yang telah disiapkan.



Hadiahkan gelang tangan persahabatan kepada rakan anda.



### INFO BESTARI

Hadiah ialah salah satu bentuk penghargaan untuk rakan kita. Rakan kita akan berasa dihargai sekiranya kita memberikan hadiah kepada mereka.



### SANTAI MINDA

1. Apakah reaksi rakan apabila menerima gelang persahabatan?
2. Senaraikan hadiah lain yang boleh diberikan kepada rakan.



## DUGA ILMU

Lengkapkan rajah di bawah.

prihatin


amanah

ikhlas

jujur

baik hati

### Ciri-ciri Rakan yang Baik



B. Gariskan jawapan yang betul.

1.

terima kasih, *nandri*, *thank you*,  
*xiě-xie*, *kotoluadan*, *abor haknuk*

Perkataan di atas harus diamalkan supaya menimbulkan perasaan \_\_\_\_\_ dalam kalangan rakan sebaya.

( dihina, dihargai )

2. Ibu rakan anda mengalami kemalangan jalan raya. Apakah perasaan anda?

( seronok, simpati )

3. Vinod menuduh Kanna mengambil kameranya. Apakah tindakan Vinod yang sepatutnya?

( menyasat, menuduh )

4. Sarabatin terpijak kaki Anang di kantin sekolah. Apakah yang perlu dilakukan oleh Sarabatin?

( meminta maaf, tidak peduli )

5. Rakan anda menyertai pertandingan bercerita. Dia berasa gementar. Anda harus \_\_\_\_\_.

( memberikan semangat, mengejek )

6. Lina mengejek Aini kerana terjatuh. Dia sepatutnya \_\_\_\_\_

( membantu rakan, mentertawakan rakan )



## KESEJAHTERAAN HIDUP BERJIRAN

### TEMA 2: Hubungan antara Diri, Komuniti dan Masyarakat



#### TAHUKAH ANDA?

Baca dan fahami.



Saya Seetha. Encik Lee dan saya tinggal berjiran. Beliau berasal dari Melaka. Encik Lee dan isterinya mengusahakan perniagaan kedai runcit. Mereka mempunyai dua orang anak. Encik Lee dan keluarganya sangat baik hati.

Pada minggu lepas, saya mengadakan jamuan hari jadi. Sehari sebelum jamuan, peti sejuk saya rosak. Saya menceritakan masalah tersebut kepadanya. Encik Lee mempelawa saya menyimpan barang dalam peti sejuknya. Dia juga membenarkan saya mendirikan khemah di depan rumahnya.

Sebelum jamuan, Encik Lee menyusun kerusi dan meja. Isterinya pula membantu di dapur. Anak-anaknya juga turut menolong untuk persiapan majlis. Kerja menjadi ringan apabila dibantu oleh jiran. Amalan bantu-membantu dapat mengeratkan hubungan antara jiran.



#### SANTAI MINDA

1. Nyatakan nilai murni yang ditunjukkan oleh Encik Lee sekeluarga.
2. Jelaskan perasaan anda sekiranya mempunyai jiran seperti Encik Lee.



2.1.1  
2.1.2  
2.1.3

- Bimbing murid menjawab soalan.
  - Bimbing murid menyatakan kepentingan hidup berjiran.
  - Bimbing murid bercerita tentang jiran mereka di hadapan kelas.
- Nilai: Baik Hati, Kasih Sayang, Kerjasama, Rasional, Toleransi



**MARI FAHAMI**

**Faedah Bekerjasama**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat.

pelbagai kaum

mengenal jiran

bersungguh-sungguh

gotong-royong

mengeratkan hubungan

selesa



Rukun Tetangga Taman Melor menganjurkan aktiviti \_\_\_\_\_ .  
Penduduknya yang terdiri daripada \_\_\_\_\_ menyertai aktiviti ini.  
Mereka membersihkan kawasan perumahan. Setiap orang melaksanakan tugas dengan \_\_\_\_\_ .



Selepas gotong-royong, mereka menikmati jamuan. Mereka berbual dan \_\_\_\_\_ tetangga. Aktiviti ini telah \_\_\_\_\_ antara penduduk. Kawasan perumahan menjadi bersih dan ceria. Semua penduduk gembira kerana tempat tinggal mereka \_\_\_\_\_ didiami.



**SANTAI MINDA**

Berikan kebaikan aktiviti gotong-royong.

- Bimbing murid memahami petikan bergambar.
  - Bimbing murid melengkapkan tempat kosong.
- Nilai: Kerjasama, Kerajinan, Bertanggungjawab



## MARI FAHAMI Amalan Hidup Berjiran

Fahami situasi di bawah.


Situasi 1



Situasi 2



Situasi 3



Situasi 4



## SANTAI MINDA

Sebutkan amalan yang ditunjukkan oleh jiran tetangga dalam situasi di atas.



- Bimbing murid memahami situasi di atas.
  - Bimbing murid memahami kepentingan hidup berjiran.
  - Bimbing murid mengaitkan nilai murni dengan amalan hidup berjiran.
- Nilai: Kerjasama, Toleransi, Rasional





## MARI SELAMI Rasa Muhibah

Nyanyikan lagu di bawah bersama-sama rakan.



### Jiranku Sayang



Rasa sayang eh  
Rasa sayang sayang eh  
Eh lihat nona jauh  
Rasa sayang sayang eh

Jiran tetangga saudara kita  
Mereka membantu tanpa berkira  
Adab berkunjung perlu dijaga  
Agar hidup lebih sejahtera

Hidup berjiran jangan bergaduh  
Bertolak ansur dipegang teguh  
Tolong-menolong tanpa mengeluh  
Bersatu teguh bercerai roboh

Hidup berjiran saling fahami  
Berikan teguran berhemah sekali  
Kritikan diterima sepenuh hati  
Jiran gembira suasana harmoni

Jiran tetangga orang terdekat  
Hidup kita harus sepakat  
Jiran baik membawa berkat  
Mari amalkan hidup muafakat

Rasa sayang eh  
Rasa sayang sayang eh  
Eh lihat nona jauh  
Rasa sayang sayang eh

Irama: Rasa sayang





Lakukan aktiviti di bawah.



### AKTIVITI TERAPI



#### Cara bermain

1. Murid berwatak itik membentuk bulatan sambil berpegangan tangan.
2. Murid berwatak ayam berada di dalam bulatan.
3. Murid berwatak helang berada di luar bulatan.
4. Itik perlu menghalang helang menangkap ayam. Ayam yang ditangkap dikehendaki memilih dan menjawab soalan pada kad situasi.
5. Jika ayam menjawab soalan dengan betul, permainan boleh diteruskan. Jika salah, ayam tersebut perlu menggantikan watak helang.

#### Soalan pada kad situasi

1. Mengapakah anda perlu bantu-membantu antara jiran?
2. Nyatakan perasaan anda apabila tinggal dalam kalangan penduduk yang mengamalkan semangat kejiranan.



2.1.1  
2.1.2  
2.1.3

- Bimbing murid melakukan aktiviti di atas.
  - Bimbing murid mengaplikasikan nilai murni daripada aktiviti di atas.
- Nilai: Bertanggungjawab, Toleransi



MARI HAYATI

Isi tempat kosong dengan abjad yang sesuai berpandukan gambar.



1. Saya  jiran saya.
2.  saya baik hati.
3. Kita perlu  jiran tetangga.
4. Jiran saya terdiri daripada pelbagai .
5. Saya menelefon  apabila rumah jiran terbakar.



## DUGA ILMU

A. Tulis nilai yang tepat untuk situasi berikut.

baik hati

bertanggungjawab

hormat

hemah tinggi



Jason menziarahi jirannya dan membawa buah tangan untuk mereka.

Nilai: \_\_\_\_\_



Jason menyapa jirannya dengan mesra apabila bertemu.

Nilai: \_\_\_\_\_



Jason menerima kunci rumah daripada jirannya yang hendak pulang ke kampung.

Nilai: \_\_\_\_\_



Jason membantu jirannya mengangkat sampah untuk dibuang.

Nilai: \_\_\_\_\_

B. Jawab soalan di bawah.

Masyarakat di kawasan kediaman saya terdiri daripada pelbagai kaum. Mereka mengamalkan adat dan budaya yang berlainan serta menyambut pelbagai perayaan. Majlis rumah terbuka akan diadakan pada setiap kali musim perayaan dan mereka saling mengunjungi antara satu sama lain.

1. Apakah nilai-nilai murni yang diamalkan oleh penduduk di kawasan kediaman anda?

---

---

---

2. Nyatakan faedah mengamalkan nilai-nilai murni tersebut.

---

---

---

3. Cadangkan aktiviti yang dapat mengeratkan hubungan antara jiran.

---

---

---

4. Jiran anda hendak mengadakan Majlis Sambutan Rumah Terbuka. Senaraikan bantuan yang sesuai dihulurkan kepada jiran anda. 🧠

---

---

---



## KESELAMATAN KAWASAN KEDIAMAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA



### TAHUKAH ANDA?

Baca dan fahami dialog di bawah.



1

Apakah yang sedang awak lakukan, Leong?

2

Kami memasang kamera litar tertutup.

3

Apakah tujuan pak cik memasang alat ini di kawasan kediaman?

4

Alat ini merakam aktiviti di sekitar rumah ini. Jika terjadi jenayah, bukti diperoleh daripada rakaman alat ini.

5

Di rumah saya tiada kamera litar tertutup tetapi saya sentiasa mengunci pagar dan pintu.

6

Bagus, Rajesh. Hidup akan tenang jika kediaman selamat.

### SANTAI MINDA

1. Apakah fungsi kamera litar tertutup dipasang di kawasan kediaman?
2. Selain memasang kamera litar tertutup, cadangkan langkah lain untuk meningkatkan keselamatan kediaman. 🧠

#### NOTA GURU

2.2.1  
2.2.2  
2.2.3

- Guru menjelaskan situasi dan perbualan dalam gambar.
  - Guru bertanya tentang pengalaman murid berkaitan dengan kamera litar tertutup.
- Nilai: Bertanggungjawab, Kerajinan, Rasional, Berdikari



**MARI FAHAMI**

**Jiran Prihatin**

Baca dan fahami.

**Langkah-langkah Keselamatan Jika Berlaku Jenayah di Rumah Jiran**

Langkah 1



Ternampak penjenayah di rumah jiran

Langkah 2



Memaklumkan kejadian kepada anggota keluarga

Langkah 3



Menelefon jiran untuk memaklumkan kejadian

Langkah 4



Menelefon polis untuk melaporkan kejadian

Langkah 5



Terus memperhatikan penjenayah

Langkah 6



Tunggu sehingga polis menangkap penjenayah



**GLOSARI**

**Jenayah** – Perbuatan yang salah di sisi undang-undang.



**SANTAI MINDA**

Jelaskan tindakan yang perlu anda lakukan jika berlaku kebakaran di kawasan perumahan anda.

- Bimbing murid memahami peta pemikiran di atas.
  - Guru bertanya pengalaman murid tentang proses kerja yang melibatkan isu keselamatan.
- Nilai : Kerjasama, Bertanggungjawab, Rasional



**MARI FAHAMI** Apakah Tindakan Anda?

Susun gambar berikut mengikut urutan.

**Langkah-langkah Keselamatan Jika Berlaku Kebakaran di Rumah**




1 Beri amaran kepada anggota keluarga supaya menyelamatkan diri



2 Bertenang dan tidak panik apabila melihat kebakaran



3 Menelefon pihak bomba dan penyelamat Malaysia, tunggu sehingga mereka tiba



4 Keluar dari rumah dan berkumpul di kawasan lapang

No.	Langkah-langkah keselamatan





## MARI SELAMI Kediaman Selamat

Berdasarkan gambar rumah A dan rumah B, kenal pasti gambar yang menunjukkan ciri kediaman selamat dan kediaman tidak selamat.

Rumah A



1 Tanda (✓) pada jawapan yang betul.

Kediaman selamat

Kediaman tidak selamat

2 Berikan sebab anda.

a. \_\_\_\_\_

b. \_\_\_\_\_

Rumah B



1 Tanda (✓) pada jawapan yang betul.

Kediaman selamat

Kediaman tidak selamat

2 Berikan sebab anda.

a. \_\_\_\_\_

b. \_\_\_\_\_



**MARI HAYATI**

**Berdikari Menjaga Keselamatan Kediaman**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Mengunci pintu jeriji

Memeriksa suis lampu

Memaklumkan ketiadaan kita kepada jiran

Menutup semua tingkap

Memastikan paip air ditutup

Mencabut palam elektrik

**Langkah-langkah Keselamatan Sebelum Meninggalkan Rumah**



- Bimbing murid memadankan langkah-langkah keselamatan yang betul sebelum meninggalkan rumah.
  - Perjelas nilai-nilai yang berkaitan dengan isu keselamatan.
- Nilai: Rasional, Bertanggungjawab, Kerajinan, Rasional




**MARI HAYATI**

## Cara Menggunakan Mangga

Salah satu alat untuk mengawal keselamatan di rumah adalah dengan menggunakan mangga. Mari kita belajar cara menggunakannya dengan betul.



### AKTIVITI TERAPI



1 Mangga terbuka dan anak kunci berasingan.



2 Jari menekan tangkai mangga.



3 Anak kunci diacukan pada lubang mangga.



4 Anak kunci dimasukkan ke dalam lubang mangga.




5 Pusingkan anak kunci dalam lubang mangga.

- Bimbing murid melakukan aktiviti terapi cara kerja. Tegaskan kepentingan semasa melaksanakan aktiviti ini.
- Perjelas nilai-nilai yang berkaitan dengan aktiviti di atas.  
Nilai: Berdikari, Kerajinan, Rasional, Bertanggungjawab



## DUGA ILMU

A. Bulatkan dan senaraikan objek yang berbahaya di dapur rumah.



1. \_\_\_\_\_ 4. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_ 5. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_ 6. \_\_\_\_\_

B. Tandakan (✓) ciri-ciri keselamatan kediaman pada ruang yang disediakan.

### Borang Senarai Semak Kejiranan Selamat

No.	Perkara	Ya	Tidak
<b>A</b>	<b>Kemudahan Persekitaran Kediaman</b>		
1	Kamera litar tertutup dipasang di sekitar kawasan kediaman.		
2	Pengawal keselamatan meminta dokumen peribadi tetamu yang datang ke kawasan kediaman.		
3	Pagar keselamatan dibina di sekeliling taman perumahan.		
4	Lampu jalan dipasang pada waktu malam di sekitar kediaman.		
<b>B</b>	<b>Penghuni Kediaman</b>		
1	Bekerjasama ketika membuat rondaan pada waktu malam.		
2	Mengenal dan saling mengambil tahu antara jiran.		
3	Mengutamakan kesejahteraan hidup berjiran.		
4	Mementingkan diri untuk menjaga rumah sendiri.		
<b>C</b>	<b>Peranan Individu</b>		
1	Bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang perlakuan jenayah.		
2	Bekerjasama menjaga keselamatan kawasan kediaman.		
3	Memperhatikan perlakuan orang yang mencurigakan.		
4	Berdikari menjaga keselamatan diri, rumah dan kawasan kediaman.		



## PEMELIHARAAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN



### TAHUKAH ANDA?

Baca dan fahami.

9.41 AM 100% 9.41 AM 100%

Aimei

231 suka

**Aimei** Restoran Keluarga mendapat pengiktirafan premis makanan bersih daripada Jabatan Kesihatan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**Zarith** Tahniah! Patutlah Restoran Keluarga menjadi pilihan ramai.

**Aimei** Terima kasih. Saya selalu memastikan restoran bersih agar pelanggan selesa.

**Kumar** Betul. Restoran yang kotor mengakibatkan pencemaran dan keracunan makanan.

**Aimei** Kebersihan diri juga penting. Pekerja restoran perlu disuntik vaksin pencegahan tifoid dan kuku dipotong pendek.

**Ooi Ng** Setahu saya, suntikan itu dapat mencegah penyebaran wabak melalui makanan dan minuman.

**Aimei** Ya, saya setuju. Sebab itulah kami mengutamakan kebersihan. Jika ada waktu terluang, singgahlah ke Restoran Keluarga.

Penyakit  
Tifoid



### SANTAI MINDA

Sebutkan contoh lain kebersihan diri yang perlu diamalkan oleh pekerja restoran. 🧠



2.3.1  
2.3.2  
2.3.3

- Guru menerangkan tahap kebersihan di sesebuah restoran dari segi pengiktirafan kepada murid.
  - Cungkil jawapan murid dan rumuskan hasil perbincangan.
- Nilai : Bertanggungjawab, Kerjasama, Kerajinan



**MARI FAHAMI**

**Persekitaran Bersih Kualiti Terjaga**

Baca dan fahami.

Kawasan Rehat dan Rawat menjadi tempat persinggahan yang dilengkapi pelbagai kemudahan. Kemudahan ini sentiasa dijaga dengan baik.

kawasan rehat dan rawat



tandas



**Kriteria Kebersihan Tandas Awam**

- Bersih
- Kering
- Tidak berbau
- Paip air berfungsi dengan baik
- Pam tandas berfungsi dengan baik

sinki



**Kriteria Kebersihan Sinki**

- Bersih
- Tidak tersumbat
- Sabun disediakan
- Paip air berfungsi dengan baik

medan selera



## Kriteria Kebersihan Medan Selera

- Persekitaran ruang makan bersih
- Tiada lalat, tikus dan lipas
- Sisa makanan diurus dengan baik
- Kerusi meja dalam keadaan baik
- Pinggan mangkuk tidak berlonggok

taman permainan kanak-kanak



## Kriteria Taman Permainan Kanak-kanak

- Selamat digunakan
- Peralatan diselenggara
- Peralatan berfungsi dengan baik
- Terdapat papan tanda peraturan



### INFO BESTARI

Kemudahan awam di tepi lebuhraya yang membolehkan pengguna berhenti sebentar sambil berehat, makan ataupun mengisi minyak.



## SANTAI MINDA

Nyatakan tindakan anda untuk mengekalkan kebersihan dan keselamatan kemudahan awam:

- a. tandas
- b. taman permainan kanak-kanak
- c. medan selera

Kawasan  
Rehat dan  
Rawat



- Bimbing murid mengaplikasikan nilai-nilai murni di tempat awam.  
Nilai: Rasional, Berdikari, Bertanggungjawab





**MARI SELAMI**

**Projek Membersihkan Kolum Ikan Hiasan**

Lihat gambar dan fahami.

Baru-baru ini, murid Pendidikan Khas Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Legenda bersama-sama Jawatankuasa Pusat Komuniti Sri Cheras telah menjayakan Projek Membersihkan Kolum Ikan Hiasan.

**Laporan Projek Membersihkan Kolum Ikan Hiasan**

**1 PROJEK MEMBERSIHKAN KOLUM IKAN HIASAN**

**ANJURAN**  
**MURID PENDIDIKAN KHAS**  
**SMK TAMAN LEGENDA**

**TARIKH: 2 MEI**  
**MASA: 8.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI**  
**TEMPAT: PUSAT KOMUNITI SRI CHERAS**

**2**

Bersedia sebelum gotong-royong

**3**

Membuang air kotor dari kolam ikan

**4**

Memindahkan ikan dari kolam

**5**

Mencuci lumut dan kotoran pada kolam ikan

**6**

Membuang mendapan pasir di dasar kolam



7 Menanam pokok hiasan di sekitar kolam



8 Memasukkan air ke dalam kolam ikan



9 Memasukkan ikan ke dalam kolam



10 Mengambil gambar sebagai kenangan

## 11 PENGHARGAAN

Kami merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama memberikan sumbangan kerana menjayakan Projek Membersihkan Kolam Ikan Hiasan Pusat Komuniti Sri Cheras.

### SANTAI MINDA

1. Senaraikan kerja yang dilakukan oleh murid dan Jawatankuasa Pusat Komuniti Sri Cheras untuk membersihkan kolam ikan hiasan.
2. Pernahkah anda terlibat dalam aktiviti kerja amal? Kongsikan pengalaman anda dalam aktiviti tersebut.



Baca dan fahami.

Yang berikut merupakan temu bual wartawan dengan murid yang mengambil bahagian dalam Projek Membersihkan Kolam Ikan Hiasan.



**Wartawan:** Apakah perasaan anda setelah menjayakan Projek Membersihkan Kolam Ikan Hiasan?

**Raju:** Saya berasa sangat gembira kerana dapat bekerjasama dengan rakan-rakan.

**Wartawan:** Apakah pengalaman yang anda peroleh melalui projek ini?

**Raju:** Saya dan rakan-rakan berpeluang mempelajari cara memindahkan dan menangkap ikan. Selain itu, saya juga dapat mengetahui proses membersihkan kolam ikan hiasan. Projek ini memang menyeronokkan.

**Wartawan:** Bagaimanakah kerjasama yang diberikan oleh Jawatankuasa Pusat Komuniti Sri Cheras?

**Raju:** Mereka komited dan sentiasa membantu kami.



## SANTAI MINDA

Mengapakah Raju dianggap sebagai seorang yang rajin?



**MARI HAYATI**

**Mari Belajar Mengemop**

Mengemop lantai akan menjadikan lantai bersih dan berkilat. Marilah kita belajar cara mengemop lantai dengan betul.



**AKTIVITI TERAPI**

**Langkah 1**




Masukkan cecair pencuci ke dalam baldi berisi air.

**Langkah 2**




Celup mop ke dalam baldi dan perah.

**Langkah 3**



Pegang pangkal mop dengan betul.

**Langkah 4**



Gerakkan batang mop dari arah kiri ke kanan.

**Langkah 5**



Setelah selesai, cuci dan perah mop sehingga kering.

**Langkah 6**



Gantung batang mop supaya kering.



- Bimbing murid melaksanakan aktiviti mengemop lantai.
  - Guru boleh menunjukkan cara mengemop lantai dengan betul.
- Nilai: Kerajinan, Bertanggungjawab, Berdikari.



Kenal pasti lapan peralatan kebersihan yang tersembunyi.

tong sampah

berus

penyodok sampah

mop

penyapu

sarung tangan plastik

kain lap tangan

pencakar



- Bimbing murid mencari peralatan kebersihan yang tersembunyi.
  - Jelaskan kegunaan setiap peralatan tersebut.
  - Jelaskan tanggungjawab murid untuk memastikan persekitaran rumah yang bersih.
- Nilai: Kerajinan, Rasional, Bertanggungjawab



## DUGA ILMU

A. Tandakan (✓) bagi perlakuan menjaga persekitaran dan (X) bagi perlakuan tidak menjaga persekitaran.



Membuang tin minuman ke dalam tong sampah	<input type="checkbox"/>
---	--------------------------

Menconteng kemudahan awam	<input type="checkbox"/>
---------------------------	--------------------------

Meludah di tempat awam	<input type="checkbox"/>
------------------------	--------------------------

Membuang sampah di merata-rata tempat	<input type="checkbox"/>
---------------------------------------	--------------------------

Mengutip botol	<input type="checkbox"/>
----------------	--------------------------

Menanam pokok bunga	<input type="checkbox"/>
---------------------	--------------------------

B. Isi petak kosong di bawah dengan memilih huruf yang sesuai berdasarkan nama-nama penyakit akibat persekitaran yang kotor.

i. Akibat nyamuk (a, m, g, e, g, n)



ii. Akibat lalat hinggap pada makanan (i, t, r, t, r, b)



iii. Akibat air yang kotor dan tercemar (n, a)



iv. Akibat udara yang kotor (a, s)



C. Senaraikan aktiviti yang boleh dijalankan di sekolah berdasarkan kempen di bawah.

### Kempen Kebersihan Taman Permainan kanak-Kanak

Memotong rumput

Mengecat dinding

Mencuci tandas

Membaiki kerosakan

Menjaga kemudahan awam

Menyapu sampah





## AMALAN GAYA HIDUP SIHAT DALAM KOMUNITI



### TAHUKAH ANDA?

Fahami dialog berikut.



Kanang: Saya telah menyertai Senam Seni 1Malaysia anjuran pusat komuniti.

Baram: Wah, mesti seronok! Senam Seni 1Malaysia itu apa?

Kanang: Aktiviti senamrobik ini berasaskan lagu dan gerak tarian tradisional.

Baram: Aktiviti ini pasti mengeluarkan peluh dan menyihatkan badan.

Kanang: Betul, amalan ini merupakan gaya hidup sihat yang perlu diamalkan!



### SANTAI MINDA

1. Apakah keistimewaan Senam Seni 1Malaysia?
2. Cadangkan amalan gaya hidup sihat yang lain. 🌸



- Bimbing murid mencari maklumat tentang Senam Seni 1Malaysia.
  - Bimbing murid mengenali tarian tradisional.
- Nilai: Bertanggungjawab, Kerajinan, Patriotisme





**TAHUKAH ANDA?**

**Awasi Diet Anda**

Fahami rajah di bawah.

Mari amalkan pemakanan sihat. Pemakanan sihat bermaksud sajian makanan yang mengandungi semua nutrien yang diperlukan tubuh badan.

**Panduan Diet Malaysia**



Sumber: Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia



**SANTAI MINDA**

- Berdasarkan gambar di atas, senaraikan makanan pada setiap kumpulan makanan.
- Tanda (✓) bagi makanan yang berkhasiat dan (✗) bagi makanan yang tidak berkhasiat.











**GLOSARI**

**Nutrien** – bahan makanan berkhasiat atau zat makanan.

- Bimbing murid menyenaraikan makanan mengikut kumpulan makanan.
  - Bimbing murid memilih makanan yang berkhasiat dan tidak berkhasiat.
- Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Kasih Sayang





## MARI FAHAMI

## Beriadah Bersama Rakan

Fahami cerita di bawah.



Pada suatu petang, Jemalia mengajakku beriadah di Taman Tasik.



Sambil berjoging, Jemalia menolong menolak kerusi rodaku. Dia sentiasa menjaga keselamatanku.



Kami sempat bermain badminton. Aku juga berpeluh walaupun tidak berlari seperti nya.



Sesekali kami disapa jiran yang melakukan aktiviti riadah di situ. Kami saling mengenali tidak kira tua atau muda.



Sebelum pulang, kami mengambil gambar. Aku bersyukur kerana mempunyai sahabat dan jiran yang prihatin akan diriku.

## SANTAI MINDA

Selain beriadah, cadangkan amalan gaya hidup sihat yang boleh anda lakukan.



- Bimbing murid memahami cerita di atas.
  - Minta murid mencontohi nilai murni dalam cerita di atas.
- Nilai: Kerjasama, Toleransi, Rasional, Kerajinan



**MARI FAHAMI** Sikap Positif

Baca dan fahami.



Ciptakan ikon yang sesuai berdasarkan ciri-ciri sikap positif.

Ciri	Ikon
Air muka ceria	
Bersangka baik	
Sentiasa hiburan hati	
Elakkan emosi marah	

Pemikiran  
Positif



- Bimbing murid memahami ciri sikap positif.
  - Bimbing murid melukis ikon mengikut situasi yang diperlukan.
  - Minta murid melukis dalam buku latihan.
- Nilai: Kerjasama, Toleransi, Rasional, Kerajinan





**MARI SELAMI** Amalan Gaya Hidup Sihat

Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

merokok

rajin bersenam

tidur lewat malam

berfikiran positif

patuhi ajaran agama

stres

makan makanan seimbang

menjaga kebersihan diri

tidak bersukan

malas mandi

**Gaya hidup sihat**

[Empty box for writing]

[Empty box for writing]

[Empty box for writing]

[Empty box for writing]

[Empty box for writing]

**Gaya hidup tidak sihat**

[Empty box for writing]

[Empty box for writing]

[Empty box for writing]

[Empty box for writing]

[Empty box for writing]



- Bimbing murid mengenal pasti gaya hidup sihat dan gaya hidup tidak sihat.
  - Jelaskan kelebihan gaya hidup sihat kepada murid.
- Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Kerajinan



MARI SELAMI

Makanan Berkhasiat

Tandakan (✓) untuk makanan yang sesuai dimakan pada waktu-waktu berikut:

Sarapan






Makan tengah hari






Makan malam








## MARI HAYATI Sehat dan Ceria

Sambungkan titik untuk membentuk poster gaya hidup sihat. Warnakan.



2.4.1  
2.4.2  
2.4.3  
2.4.4

- Perbanyak halaman ini untuk aktiviti murid.
  - Minta murid menyambungkan titik dan mewarnakan objek yang terhasil.
  - Bimbing murid mengaitkan lukisan dengan gaya hidup sihat.
- Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Berdikari



## MARI HAYATI Pergerakan Kreatif

Gerakkan anggota badan anda seperti yang berikut.



### AKTIVITI TERAPI

#### A. Membentuk huruf dengan menggunakan postur badan



Hasilkan huruf C



Hasilkan huruf A



Hasilkan perkataan CAT

#### B. Membentuk perkataan menggunakan alat



Gulung surat khabar secara menyerong



Hasilkan perkataan SAYA



Hasilkan ayat SAYA SUKA AWAK

#### C. Permainan kreatif



Membawa bebola kertas di atas plastik yang berlubang



Jalan bersama-sama dalam lingkungan tali



Gerak secara berpasangan



DUGA ILMU

A. Tandakan (✓) pada gambar yang menunjukkan gaya hidup sihat dan (X) pada yang tidak.










B. Tulis empat amalan gaya hidup sihat pada ruang yang disediakan.

Rehat yang mencukupi

Pemeriksaan kesihatan berkala

Bermasam muka dengan rakan dan jiran

Berfikiran positif

Mengambil makanan berlebihan

Sentiasa bersukan

i. \_\_\_\_\_

iii. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

iv. \_\_\_\_\_



B. Berdasarkan situasi dalam gambar, berikan tindakan yang sepatutnya dilakukan untuk mengamalkan gaya hidup sihat.

Situasi

Tindakan

1.



---

---

---

2.



---

---

---

3.



---

---

---

4.



---

---

---



## AMALAN ADAB DI RUMAH

TEMA 3: Moral, Peraturan dan Undang-Undang



### TAHUKAH ANDA?

Fahami peta pemikiran di bawah.

Manisnya senyuman anak ayah.



Tumpang lalu ayah.



Amalkan adab di rumah.

Baiklah, abang.



Adab di rumah

Sila minum ibu.



Maafkan saya, kakak.



3.1.1  
3.1.2  
3.1.3

- Bimbing murid memahami tingkah laku beradab di atas.
- Nilai: Kasih Sayang, Hemah Tinggi, Bertanggungjawab



**MARI FAHAMI**

**Amalkan Adab di Rumah Kita**

Baca dan fahami.

Anggota keluarga yang beradab dan penuh kasih sayang ialah tunjang kepada keharmonian keluarga.



1

Wah, mesranya keluarga kamu Anita!

2

Ibu bapa kami mementingkan adab antara ahli keluarga.

3

Benar Rahmat. Adab keluarga perlu dijaga. Contohnya, bertuturlah dengan sopan.

4

Nenek saya selalu berpesan agar tidak bercakap semasa makan.

5

Benar. Melayan tetamu dengan ikhlas juga adab yang mesti dijaga agar nama baik terpelihara.

6

Ya. Elakkan gurauan yang melampaui batas dalam pergaulan untuk menjaga hati.

## SANTAI MINDA

Cadangkan contoh adab di rumah selain yang diberikan dalam perbualan di atas.



- Bimbing murid memahami amalan adab di rumah.  
Nilai: Kejujuran, Kesederhanaan, Hemah Tinggi




## MARI SELAMI Terima Kasih Papa dan Mama

Baca coretan warkah Lina kepada ibu bapanya.




Pada usia empat tahun, barulah aku boleh menyebut papa dan mama. Aku mempunyai masalah pertuturan dan pembelajaran.

Aku sentiasa mengingati pesanan papa dan mama supaya menjaga tingkah laku dan pertuturan. Aku mahu papa dan mama bangga akan diriku.



Pada hari ini, izinkan aku mengucapkan terima kasih kepada papa dan mama kerana membesarkanku dengan penuh kasih sayang.



## SANTAI MINDA

Tuliskan ucapan berterima kasih kepada ibu bapa kerana telah mendidik anda sehingga menjadi seorang yang beradab dan berjaya.

Gunakan bahan dan peralatan yang disenaraikan untuk mereka cipta bingkai gambar. Setelah selesai menyiapkan projek ini, serahkan bingkai gambar kepada ibu bapa anda.



## PROJEK Bingkai Gambar Kasih Sayang



kertas pelbagai warna

Tuhanku, jagalah ibu bapaku seperti mereka menjagaku sewaktu kecil.

kertas ucapan kepada ibu bapa




hiasan



gam



gunting



pembaris



gambar ibu bapa



pensel warna



kotak terpakai



### INFO BESTARI

Penghargaan kepada ibu bapa juga boleh diberikan dalam bentuk menjaga adab sopan dan tingkah laku.



3.1.1  
3.1.2  
3.1.3

- Bimbing murid menulis ucapan mengikut hasrat hati mereka.
  - Bantu murid menyediakan projek bingkai bergambar.
  - Galakkan murid menghasilkan bingkai bergambar secara kreatif.
- Nilai: Kasih Sayang, Hemah Tinggi, Bertanggungjawab




**MARI SELAMI** Penanda Buku


Anda pernah membuat origami? Kali ini kita akan bersama-sama membuat penanda buku origami dengan menggunakan kertas.




**AKTIVITI TERAPI**




1




2




3



4



5



6




7



8




9



10



11



12

Contoh perkataan yang boleh ditulis pada penanda buku origami:

SOPAN

SABAR

IKHLAS

JUJUR

AKHLAK

MULIA

KERJASAMA



**GLOSARI**

**Origami** – Seni lipatan kertas untuk membuat objek hiasan yang berbentuk seperti manusia atau binatang.

- Bimbing murid membuat penanda buku origami langkah demi langkah.
  - Pantau penggunaan gunting supaya tidak berlaku kecederaan.
  - Minta murid mengamalkan sikap tersebut dalam kehidupan berkeluarga.
- Nilai: Kesopanan, Kasih Sayang



**MARI HAYATI**

**Keluarga Beradab Keluarga Bahagia**

Lihat dan fahami gambar di bawah.

Perlakuan

Akibat

Sepatutnya



**SANTAI MINDA**

Bincangkan perlakuan di atas bersama-sama guru.



- Guru membimbing murid melaksanakan perbincangan berkaitan gambar di atas. Nilai: Kesederhanaan, Kasih Sayang, Bertanggungjawab





**MARI HAYATI Refleksi Kendiri**

Tandakan (✓) dalam kotak mengikut kekerapan anda melakukan perkara-perkara yang berikut.

- 1 Tidak pernah
- 2 Kadang-kadang
- 3 Selalu

Bil.	Amalan adab di rumah	1	2	3
1	Berkongsi suka duka dengan ibu bapa			
2	Menanggalkan kasut sebelum masuk ke dalam rumah			
3	Menghabiskan makanan yang diambil di dalam pinggan			
4	Mendengar nasihat ibu bapa tanpa jemu			
5	Mendoakan kesejahteraan ibu bapa			
6	Mengemas bilik tidur sendiri			
7	Menghormati idea dan pandangan anggota keluarga			
8	Bersalam dengan tetamu yang datang ke rumah			
9	Bercakap dengan nada suara sopan			
10	Menerima wang pemberian ibu bapa dengan ikhlas			
Jumlah Keseluruhan				

**Petunjuk skor refleksi**

21 – 30	Tahniah! Anda seorang murid yang beradab dari segi perlakuan dan tutur kata.
11 – 20	Sederhana. Anda perlu meningkatkan amalan beradab terhadap anggota keluarga.
1 – 10	Anda perlu berubah. Jadilah seorang yang lebih beradab dan sentiasa dipuji.





## DUGA ILMU

Jawab semua soalan.

A. Tulis ungkapan beradab berdasarkan situasi di bawah.

Terima kasih

Tahniah!

Jemput makan

Selamat datang

Boleh tolong saya?

Bil.	Situasi	Ungkapan beradab
1	Menerima hadiah daripada anggota keluarga atas kejayaan	
2	Meminta tolong mengambil barang yang berat	
3	Meraikan kejayaan abang yang tamat pengajian di universiti	
4	Mempelawa anggota keluarga makan	
5	Saudara-mara datang ke rumah	

B. Dengan bimbingan guru, lengkapkan amalan adab di rumah dengan nilai yang betul.

kejujuran

kasih sayang

kesyukuran

hemah tinggi

bertanggungjawab

hormat

bekerjasama

Bil.	Amalan adab di rumah	Nilai
1	Mengakui memecahkan gelas akibat kecuai diri	
2	Membantu ibu menjemur kain yang telah dicuci	
3	Memberikan kad ucapan Hari Bapa kepada ayah	
4	Bercakap benar kepada anggota keluarga kerana pulang lewat selepas waktu sekolah	
5	Bercakap dengan nada sopan ketika berbual bersama ayah	
6	Mengemas dan membersihkan bilik tidur sendiri	
7	Saya bersyukur mempunyai ibu dan ayah yang penyayang	
8	Bersalaman dengan ayah dan ibu sebelum ke sekolah	




## KETAGIHAN MEMBAWA MUDARAT



### TAHUKAH ANDA?

Baca dan fahami.

- Rokok merupakan salah satu bahan yang membawa mudarat.
- Rokok menyebabkan kerosakan paru-paru dan jantung.
- Kita perlu menyayangi diri dengan menjauhi ketagihan merokok.



### GLOSARI

**Ketagihan** – kebergantungan psikologi atau fizikal kepada bahan-bahan tertentu yang boleh membawa mudarat.

**Mudarat** – Sesuatu yang merugikan atau membahayakan.

Cara Berhenti Merokok



### SANTAI MINDA

1. Jelaskan keburukan rokok kepada tubuh manusia.
2. Nyatakan bahan terlarang lain yang memudaratkan diri.

### NOTA GURU

3.2.1  
3.2.2

- Bimbing murid membincangkan keburukan rokok kepada diri dengan menggunakan gambar rajah.
  - Minta murid mencari contoh bahan terlarang lain daripada majalah dan Internet.
- Nilai: Kasih Sayang, Bertanggungjawab, Rasional



## TAHUKAH ANDA? Jauhi Bahan Terlarang

Baca dan fahami.

### KEBURUKAN BAHAN TERLARANG

- \* Memudaratkan kesihatan remaja
- \* Merenggangkan hubungan keluarga
- \* Merosakkan imej diri dan keluarga
- \* Membazirkan wang
- \* Menjejaskan tumpuan pelajaran

**KATAKAN TIDAK  
KEPADA BAHAN  
TERLARANG**

**ROKOK**

**ARAK**

**DADAH**

### CARA MENJAUHI BAHAN TERLARANG

- \* Bergiat aktif dalam aktiviti sukan
- \* Menghadiri pameran kesedaran tentang bahan terlarang
- \* Melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan
- \* Memilih rakan sebaya yang mempunyai nilai positif



### SANTAI MINDA

1. Berdasarkan poster di atas, nyatakan tiga jenis bahan terlarang.
2. Nyatakan kesan ketagihan bahan terlarang terhadap diri sendiri.



**MARI FAHAMI** Sayangi Diri Saya

Lakonkan situasi di bawah.

Gunalan baru pulang dari Pameran Kesedaran Bahan Terlarang anjuran Jawatankuasa Pusat Komuniti di kawasanya. Dalam perjalanan ke rumah, rakannya mengajak dia menghisap rokok.

1

Gunalan, saya ada bawa rokok. Marilah cuba.

2

Rokok berbahaya untuk kesihatan. Lebih baik kita lakukan aktiviti berfaedah seperti beriadah.



**SANTAI MINDA**


Nyatakan kesan kepada Gunalan sekiranya terpengaruh oleh ajakan rakannya.



**PROJEK** Hasilkan Poster


Hasilkan sebuah poster. Pilih satu bahan terlarang.

1




Lukis objek bahan terlarang.

2



Tulis slogan bahan terlarang.

3



Warnakan poster bahan terlarang.



- Bimbing murid menjalankan aktiviti lakonan yang menerapkan nilai-nilai murni.
  - Bimbing murid membincangkan keburukan rokok kepada diri.
  - Bimbing murid menghasilkan poster bahan terlarang mengikut kreativiti mereka.
- Nilai: Rasional, Bertanggungjawab, Kasih Sayang



**MARI FAHAMI** Informasi Dadah

**JENIS DADAH**

**PIL KHAYAL**

**GANJA**

**HEROIN**

**BAHAYA DADAH**

- Diri
  - Jangkitan HIV/AIDS
- Keluarga
  - Pergaduhan anggota keluarga
- Masyarakat
  - Kadar jenayah meningkat

**Dadah Bahan Terlarang**

**CARA MENJAUHI DADAH**

- Berkongsi masalah dengan anggota keluarga
- Melibatkan diri dalam kerja amal dan aktiviti berfaedah
- Berpegang kuat pada nilai agama

Bahaya Dadah



**SANTAI MINDA**

Apakah tindakan kamu jika diajak mengambil dadah? Mengapa?



## MARI SELAMI Menginsafi Kesalahan

Lihat dan ramalkan.



Jeff merupakan seorang murid yang baik dan cemerlang dalam pelajaran.



Pada suatu hari, dia berkenalan dengan sekumpulan remaja yang terlibat dengan ketagihan gam.



Dia mula terpengaruh dan ponteng sekolah.



Dia juga menghidu gam bersama rakan-rakannya.



Ketagihan gam menyebabkan pelajarannya merosot.



Polis telah menangkap Jeff kerana ponteng sekolah dan merampas gam yang terdapat di dalam begnya.





7 Guru disiplin memanggil ibu bapa Jeff untuk berbincang.

8

Ramalkan tindakan yang sepatutnya diambil oleh murid tersebut.



## SANTAI MINDA

Berdasarkan cerita di atas, nyatakan keburukan bahan terlarang.



## AKTIVITI TERAPI



### ARAHAN

- Duduk bersila di tempat sunyi dan letakkan kedua-dua tangan di atas paha.
- Pejam mata dan kosongkan fikiran yang stres.
- Tarik nafas melalui hidung sedalam-dalamnya dengan hitungan satu hingga lima.
- Lepaskan nafas secara perlahan-lahan melalui mulut.
- Ulangi teknik pernafasan ini sehingga tenang.



### INFO BESTARI

Aktiviti terapi pernafasan dapat membantu melegakan stres yang dihadapi oleh individu.



Fahami pantun di bawah.

Masak gulai dalam kawah,  
Kawah dilanggar tumpah ke lantai;  
Hidup gelap bersama dadah,  
Masa depan kita hancur berkecai.

Ikan tenggiri ikan haruan,  
Dimasak kari sebagai juadah;  
Mulakan hari dengan bersukan,  
Bersama hindari bahaya dadah.

Damai di kampung timbul nostalgia,  
Sawah padi luas terbentang;  
Tanpamu dadah keluarga bahagia,  
Masyarakat sihat, negara gemilang.

Sedap sungguh ulam pegaga,  
Buah pala jatuh ke tanah;  
Berganding bahu bersatu tenaga,  
Hidup gembira tanpa dadah.

Lengkapkan tempat  
kosong berdasarkan  
pantun.

Keburukan dadah

---



---



---

Cara menjauhi  
ketagihan dadah

---



---



---

Perasaan anda apabila  
melafazkan pantun ini

---



---



---




- Bimbing murid melafazkan pantun ini.
  - Bimbing murid melengkapkan tempat kosong yang diberikan.
  - Minta murid melakukan aktiviti dalam buku latihan murid.
- Nilai: Keberanian, Bertanggungjawab, Bekerjasama



Lakukan aktiviti di bawah.

**Panduan Permainan**

1. Guru perlu menetapkan masa untuk melaksanakan aktiviti ini.
2. Murid dikehendaki singgah pada setiap stesen.
3. Murid menyenaraikan satu aktiviti yang berfaedah berdasarkan gambar di setiap stesen.





DUGA ILMU

A. Lengkapi peta minda dengan bahan terlarang.

Air mineral

Arak

Gam

Heroin

Nasi

Roti

Pil khayal

Ubat batuk

Arak



B. Lengkapi jadual berdasarkan situasi berikut.

1.

### Kesan ketagihan rokok

#### Situasi 1

Sejak di bangku sekolah, Rahmat sering menghisap rokok bersama-sama rakan-rakannya.



Bahan terlarang:

---

Keburukan:

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

2.

### Kesan ketagihan dadah

#### Situasi 2

Wong terjebak dengan ketagihan dadah. Dia akan mengambil dadah apabila berpeluang.



Bahan terlarang:

---

Keburukan:

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

3.

### Kesan ketagihan minuman keras

#### Situasi 3

Gambit menghadapi stres. Dia meminum minuman keras untuk melupakan masalah.



Bahan terlarang:

---

Keburukan:

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_



## AKUR AKAN PERATURAN SEKOLAH



### TAHUKAH ANDA?

Baca dan fahami.



Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid memberikan taklimat kepada kami semasa Hari Suai Kenal Murid Tingkatan I. Demi kesejahteraan sekolah, beliau mengingatkan kami supaya mengamalkan perkara berikut:

- ★ Mematuhi peraturan sekolah supaya tidak dikenakan tindakan *demerit*.
- ★ Hadir ke sekolah sebelum 7:20 pagi kerana pintu pagar akan ditutup selepas waktu tersebut.
- ★ Dilarang ponteng sekolah supaya tidak ketinggalan dalam pelajaran.
- ★ Dilarang membawa telefon bimbit dan sekiranya dibawa akan dirampas.
- ★ Akur akan peraturan sekolah demi menjaga nama baik sekolah.



### GLOSARI

**Demerit** – Sistem yang memberikan mata penalti kerana kesalahan murid.



### SANTAI MINDA

Nyatakan peraturan sekolah yang terdapat dalam taklimat tersebut.



- Bimbing murid memahami dan mematuhi peraturan sekolah.
  - Bimbing murid membincangkan isu yang berkaitan dengan peraturan sekolah.
  - Bimbing murid memahami nilai murni yang terkandung dalam teks taklimat di atas.
- Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Bekerjasama



**MARI FAHAMI**

**Berani Menegakkan Peraturan**

Fahami perbualan di bawah.

Yap Xin Xin merupakan pengawas sekolah yang bertanggungjawab bagi memastikan peraturan sekolah dipatuhi.



**SANTAI MINDA**

Apakah nilai murni yang diamalkan oleh pengawas dalam situasi tersebut?

- Bimbing murid memahami dialog di atas.
  - Bimbing murid mencontohi nilai murni yang diamalkan oleh watak pengawas tersebut.
- Nilai: Bertanggungjawab, Keberanian, Kejujuran





**MARI FAHAMI** Hari Peperiksaan

Baca dan fahami.



- Peraturan Peperiksaan Sekolah Menengah Kebangsaan Siber**
1. Kehadiran murid dalam setiap peperiksaan adalah wajib.
  2. Murid perlu berada di dewan 10 minit sebelum peperiksaan bermula.
  3. Murid dilarang meniru semasa peperiksaan.
  4. Murid dilarang bising atau tidur semasa peperiksaan.
  5. Murid dilarang meminjam alat tulis semasa peperiksaan.

**Peraturan Peperiksaan Sekolah Menengah Kebangsaan Siber**

1. Kehadiran murid dalam setiap peperiksaan adalah wajib.
2. Murid perlu berada di dewan 10 minit sebelum peperiksaan bermula.
3. Murid dilarang meniru semasa peperiksaan.
4. Murid dilarang bising atau tidur semasa peperiksaan.
5. Murid dilarang meminjam alat tulis semasa peperiksaan.

**SANTAI MINDA**

Lengkapkan jadual berdasarkan maklumat di atas.

Jenis peraturan	• _____
Amalan peraturan peperiksaan yang perlu saya patuhi	• _____ • _____ • _____
Akibat melanggar peraturan	• _____



- Bimbing murid memahami peraturan dalam peperiksaan sekolah.
  - Bimbing murid meramalkan akibat melanggar peraturan peperiksaan sekolah.
- Nilai: Kejujuran, Bertanggungjawab





### Panduan aktiviti

1. Lakukan aktiviti ini secara berkumpulan di Pusat Sumber Sekolah.
2. Berikan sehelai Borang Literasi Maklumat Pusat Sumber kepada setiap kumpulan.
3. Lengkapkan maklumat berikut:
  - peraturan pusat sumber.
  - peraturan peminjaman dan pemulangan buku.
4. Setiap kumpulan perlu menyiapkan tugas dalam masa yang ditetapkan.

### Contoh Borang Literasi Maklumat Pusat Sumber Sekolah

1. Jenis peraturan: \_\_\_\_\_.
2. Peraturan yang perlu saya patuhi:
  - \_\_\_\_\_.
  - \_\_\_\_\_.
3. Akibat melanggar peraturan:
  - \_\_\_\_\_.
  - \_\_\_\_\_.
  - \_\_\_\_\_.
  - \_\_\_\_\_.



### SANTAI MINDA

1. Nyatakan kebaikan mempunyai peraturan di Pusat Sumber Sekolah.
2. Sekiranya anda pustakawan sekolah, apakah tindakan anda apabila melihat seorang murid melanggar peraturan Pusat Sumber Sekolah?



## MARI SELAMI Sifar Salah Laku

Baca dan fahami.

Kod	Kesalahan/Perlakuan	Mata Demerit
118	Penyalahgunaan dadah	40
225	Berambut fesyen dan berwarna	5
336	Membawa telefon bimbit	10
556	Menghisap/membawa rokok	15
661	Merosakkan harta benda sekolah	20
772	Membuang sampah merata-rata	5
846	Ponteng sekolah	10
888	Mengingkari arahan pengawas sekolah	15

Lengkapkan jadual berdasarkan buku peraturan sekolah anda.

Bil.	Perlakuan	Salah Laku	Jumlah Mata Demerit	Tindakan Disiplin
1	Menghisap rokok di tandas dan membawa telefon bimbit ke sekolah.	1. Menghisap rokok 2. Membawa telefon bimbit	15 10 $15 + 10 = 25$	
2	Mewarnakan rambut dengan warna perang dan merosakkan kerusi di dalam kelas.			
3	Ditangkap oleh guru disiplin kerana mengambil pil khayal.			
4	Mengingkari arahan pengawas apabila disuruh mengutip sampah yang dibuang merata-rata.			
5	Melompat keluar dari pagar sekolah.			



- Bimbing murid mengira mata demerit.
  - Bimbing murid mengenal pasti tindakan disiplin berdasarkan buku peraturan sekolah.
- Nilai: Keadilan, Bertanggungjawab, Keberanian



Mari bermain.

<b>BERMULA</b> 	2	<b>3</b> <span style="font-size: 2em; color: red;">7:00</span> Saya sampai di sekolah sebelum loceng berbunyi.	4	5	6
--------------------	---	---	---	---	---

<b>33</b> 	32	31	<b>30</b> Saya tidak mempersendakan rakan semasa berbual.
---------------	----	----	---

**Panduan bermain:**

- Dimainkan oleh dua atau maksimum lima orang.
- Tentukan giliran pemain melalui lontaran dadu.
- Pemain yang mendapat angka terbanyak memulakan permainan.
- Di kotak situasi, murid memberikan jawapan betul atau salah.
- Maju dua langkah jika jawapan betul dan undur dua langkah jika jawapan salah.
- Pemain yang sampai dahulu di petak terakhir (33) ialah pemenang.

<b>22</b> Saya makan di dalam makmal komputer kerana lapar.	23	24	<b>25</b> Saya menutup suis lampu dan kipas di kelas selepas tamat persekolahan.	26
--	----	----	---	----



21	20	<b>19</b> Kawan baik saya meminta merahsiakan salah lakunya.	18	17
----	----	---	----	----

7

Tidak beratur semasa membeli makanan di kantin.

8

9

Berdasarkan permainan ini, lengkapkan jadual.

Amalan betul

1.

2.

3.

4.

5.

29

10

Saya menegur rakan yang membuang sampah di padang.

11

28

Saya membuli rakan.



12

27

13



Saya bermain semasa guru mengajar di dalam kelas.

Amalan salah

1.

2.

3.

4.

5.

16

Saya memakai pakaian Unit Beruniform pada hari Rabu.



15



- Bimbing murid memahami setiap kandungan dalam permainan.
  - Bimbing murid bermain secara berdisiplin.
  - Bimbing murid mengaitkan aktiviti ini dengan nilai murni.
- Nilai: Rasional, Keadilan, Kejujuran, Kebebasan




**MARI HAYATI**

**Patuhi Peraturan Sekolah**

Perhatikan gambar dan lengkapkan tempat kosong di sebelah.

**Kesan Mematuhi Peraturan Sekolah**



1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_



1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_



1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_



1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_



## DUGA ILMU

A. Tandakan (✓) bagi perlakuan yang mematuhi peraturan dan (X) bagi perlakuan yang tidak mematuhi peraturan sekolah.

1. Rahim menconteng dinding kelas dengan warna air sewaktu kelas Pendidikan Seni Visual.

2. Perhimpunan sekolah bermula pada pukul 7:20 pagi. Jun Jie sampai ke sekolah pada pukul 7:10 pagi.

3. Randip tidak menghiraukan arahan pengawas apabila diminta mengutip sampah yang dibuangnya.

4. Siti dan Kavitha berbual-bual dengan nada suara yang tinggi di dalam Pusat Sumber Sekolah.

5. Murid Tingkatan I Delima rajin dan bertanggungjawab. Mereka sentiasa mematuhi jadual bertugas kelas.

6. Eka berani mengatakan tidak apabila Kabilan mengajaknya makan di dalam kelas.

7. Swee Lan ialah ketua kelas. Dia membiarkan lampu dan kipas terpasang sebelum keluar rehat.

8. Shekaran segera memaklumkan kepada guru disiplin apabila mengetahui rakannya membawa rokok ke sekolah.

B. Jawab soalan di bawah dengan menggunakan skala yang diberikan.

1 Tidak pernah

2 Pernah

1. Saya menyiapkan kerja rumah mengikut masa yang ditetapkan oleh guru.

1

2

2. Saya berdiri tegak dengan tangan di sisi semasa nyanyian lagu Negaraku.

1

2

3. Saya beratur dengan tertib semasa membeli makanan di kantin sekolah.

1

2

4. Saya menegur rakan yang melanggar peraturan dengan cara berhemah.

1

2

5. Saya bertanggungjawab membersihkan kelas mengikut jadual bertugas kelas.

1

2

6. Saya mendengar arahan guru dengan teliti sebelum membuat aktiviti.

1

2

7. Saya membaca buku peraturan sekolah untuk mengetahui perkara yang salah.

1

2

### Skor Jawapan

11 hingga 14 : Tahniah! Anda tekal mematuhi peraturan sekolah.

7 hingga 10 : Anda perlu berusaha mematuhi peraturan sekolah.

C. Padankan setiap pernyataan dengan kesalahan.

**Pernyataan**

**Kesalahan**

1

Danial meminjamkan bahan cakera padat berunsur lucah kepada rakannya di sekolah.

◀ membuat bising

2

Veloo menyorok di dalam tandas semasa sesi mata pelajaran Sejarah.

◀ membawa bahan cakera padat berunsur lucah

3

Deveena sampai ke sekolah pada pukul 7:30 pagi. Murid perlu hadir sebelum 7:20 pagi.

◀ vandalisme

4

Nageswaran dan Kamal saling membalik roket kertas semasa guru sedang mengajar di kelas.

◀ ponteng kelas

5

Boon Win dan Justin menconteng papan kenyataan sekolah.

◀ datang lewat



D. Perhatikan gambar dan jawab soalan di bawah.



1. Apakah kesalahan yang dilakukan oleh murid tersebut?

---

---

2. Nyatakan hukuman bagi kesalahan yang dilakukan oleh mereka.

---

---

3. Jelaskan kesan perbuatan tersebut kepada pihak sekolah.

---

---



## LINDUNGI HAK ASASI KANAK-KANAK



### TAHUKAH ANDA?

Baca dan fahami.

Imran terbaca coretan hati bekas gurunya, Cikgu Zulkifli dalam majalah sekolah lama. Hati Imran tersentuh kerana dia ialah anak kecil dalam coretan itu.

### JEJAK-JEJAK GELANDANGAN

#### Hak untuk mendapat keselamatan

Tersentak hati melihat anak kecil bermain di kawasan lorong-lorong di sebuah bandar besar.



#### Hak untuk mendapat perlindungan

Aku terserempak pula dengan anak gelandangan yang tidur di kaki lima. Sayu hatiku melihat keadaan ini. Anak-anak ini sepatutnya mempunyai tempat tinggal.



#### Hak untuk mendapat pendidikan

Atas usahaku, anak-anak ini aku daftarkan ke sekolah untuk menimba ilmu supaya menjadi insan yang berguna. Ternyata anak-anak ini bijak.



### SANTAI MINDA

1. Siapakah Imran? Berikan latar belakang Imran dalam coretan ini.
2. Berikan contoh hak keselamatan kanak-kanak dalam coretan di atas.
3. Bagaimanakah Imran boleh membalas jasa Cikgu Zulkifli dan sekolahnya?



- Bimbing murid memahami kisah dan perasaan daripada coretan hati.
  - Jelaskan maksud hak asasi kanak-kanak.
- Nilai: Kasih Sayang, Bertanggungjawab, Kesyukuran



**MARI FAHAMI**

**Saya Berhak Bersekolah**

Baca dan fahami.

Bersempena dengan Hari Kanak-kanak Sedunia, Unang dan rakannya menghadiri Pameran Hak Asasi Kanak-kanak di Jabatan Kemajuan Orang Asli.

PAMERAN HAK ASASI KANAK-KANAK  
ANJURAN  
JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JKOA)

Saya perlu  
**bersekolah**  
kerana di sekolah:



- diajar ilmu kehidupan
- ada banyak buku
- ada kemudahan pembelajaran
- ada asrama untuk murid yang tinggal jauh

**Kepentingan bersekolah**

- Banyak perkara yang perlu saya pelajari
- Saya boleh mengembangkan potensi diri
- Saya mahu menjadi orang yang berilmu
- Saya dapat berinteraksi dengan rakan
- Saya boleh mengubah taraf hidup
- Saya boleh berbakti kepada masyarakat



**INFO BESTARI**

**KWAPM – Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin.** Tujuannya membantu ibu bapa pelajar yang berpendapatan rendah dan tidak berkemampuan menghantar anak mereka ke sekolah serta membasmi keciciran pelajar daripada persekolahan.

Sekarang, anda **tahu** dan **faham** akan hak anda untuk mendapat pendidikan.



Jenis **bantuan** pendidikan yang boleh diterima daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli

Bil.	Jenis Bantuan	Kadar Bantuan
1	Tambang pengangkutan	RM13.10 – RM30.00/hari (ikut lokasi)
2	Wang saku murid sekolah menengah	RM2.00/pelajar
3	Keperluan diri di asrama (berus gigi, sabun dan lain-lain)	RM200.00/pelajar
4	Yuran dan pelbagai (bagi murid yang tidak menerima KWAPM)	RM120.00 (SMK) RM80.00 (SRK)
5	Pakaian seragam sekolah (Tahun satu dan tingkatan satu sahaja)	RM 45.00 (lelaki) RM 46.00 (perempuan)
6	Bekalan catuan makanan pagi untuk murid di sekolah pedalaman	RM2.00/pelajar

Sumber: Laman sesawang Jabatan Kemajuan Orang Asli yang dimuat turun pada 17 Disember 2015. [www.jakoa.gov.my](http://www.jakoa.gov.my)

## SANTAI MINDA

1. Apakah faedah Unang mengetahui hak untuk mereka?
2. Setelah membaca maklumat pameran, wajarkah semua kanak-kanak perlu bersekolah? Mengapa? 🧠



- Guru boleh mendapatkan maklumat tentang masyarakat orang asli dan kehidupan mereka untuk pengetahuan murid.
  - Bimbing murid memahami hak asasi kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan.
- Nilai: Keberanian, Kebebasan, Bertanggungjawab



## MARI SELAMI Lindungi Hak Asasi Kanak-kanak

Baca teks soal jawab semasa sesi sidang video di bawah.

Empat orang murid daripada Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) telah mengadakan sidang video dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).



Bolehkah puan jelaskan hak keselamatan kanak-kanak yang sering diabaikan?



Banyak kes ibu bapa meninggalkan kanak-kanak bersendirian atau tanpa pengawasan. Contohnya, ibu atau bapa meninggalkan anak di dalam kereta kerana membeli barang. Akibatnya, kereta dan anak dilarikan oleh penjenayah.



Adakah ibu bapa seperti itu dikenakan sebarang hukuman?



Ibu bapa yang bersalah boleh dijatuhi hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda maksimum RM20,000 atau kedua-duanya.



Apakah cara lain untuk melindungi hak asasi kanak-kanak?



Pernah dengar Talian KASIH 159999? Talian ini dikendalikan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Talian ini menerima aduan seperti penderaan dan pengabaian kanak-kanak.



Apakah peranan masyarakat untuk melindungi hak asasi kanak-kanak?



Pihak kami sentiasa menyeru masyarakat dan jiran tetangga supaya lebih prihatin dalam isu hak asasi kanak-kanak ini. Sikap ini sedikit sebanyak dapat mengelakkan kanak-kanak didera.



Baiklah, terima kasih. Apakah pesanan yang ingin puan sampaikan?



Kanak-kanak memerlukan perlindungan. Berikanlah hak yang sepatutnya. Hubungilah pihak berkuasa jika anda mengetahui, mendengar atau melihat kanak-kanak didera. Sekian, terima kasih.



## SANTAI MINDA

Nyatakan usaha Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk melindungi hak asasi kanak-kanak.



- Bimbing murid memahami konsep sidang video dan kebaikannya.
  - Bimbing murid memahami usaha-usaha melindungi hak asasi kanak-kanak supaya murid jelas dengan tindakan yang sepatutnya.
- Nilai: Bertanggungjawab, Bekerjasama, Keberanian



Mari kita menghias kelas dengan hiasan 'kolam' atau disebut 'Rangoli'. 'Kolam' ialah hiasan lantai yang diperbuat daripada beras yang telah diwarnakan.



Hiaskan templat tapak tangan dengan beras yang berwarna-warni.

**Bahan-bahan**

1. Kertas templat tapak tangan.
2. Beras pelbagai warna (boleh diganti dengan bijirin atau sagu).
3. Gam (jika mahu hasil kerja terlekat pada kertas).

**Langkah-langkah membuatnya**

1. Sapukan gam pada ruang templat tapak tangan kertas.
2. Taburkan butiran beras mengikut bentuk templat secara kreatif.
3. Pamerkan hasil kerja murid di sudut pameran kelas.





Baca luahan hati mangsa dera di bawah.

Dengarlah rintihan kami,

Kami kanak-kanak yang tidak berdosa. Badan kami kecil dan tidak berupaya melawan tenaga orang dewasa yang mendera kami. Aduh! Tidak tertanggung sakitnya apabila badan kami dicucuh puntung rokok, dirotan sehingga berdarah malah ada yang diraba dan dirogol. Kadang-kadang kami dihina. Kami tidak tahu apa kesalahan yang telah kami lakukan.

Kami tahu ibu bapa kami hidup tertekan. Hari-hari memikirkan duit untuk memberi kami makan. Pekedai pula tidak lagi mahu menerima hutang kerana hutang lama masih belum berbayar. Akhirnya, ibu bapa kami mengalami tekanan perasaan. Kamilah yang menjadi mangsa keadaan.

Ibu bapa sekalian,

Kami ingin hidup sihat dan gembira seperti kanak-kanak lain. Berilah kami peluang untuk membesar dan berbakti kepadamu nanti. Terima kasih diucapkan kepada ibu bapa yang prihatin dan melaporkan kesakitan kami kepada pihak berkuasa. Hati kami amat sayu apabila melihat ibu bapa yang kami sayang kini terpisah akibat tindakannya sendiri. Namun, apalah daya kami!





## INFO BESTARI

### Jenis penderaan:


- Fizikal – mendapat kecederaan yang boleh dilihat pada anggota tubuh badan akibat kekerasan seperti dipukul sehingga berdarah.
- Mental – diganggu emosi yang menyebabkan kecelaruan mental dan tingkah laku, sikap tidak peduli, menyendiri dan kemurungan. Contohnya kanak-kanak yang diherdik dengan bahasa yang tidak sepatutnya.
- Seksual – mengambil bahagian sebagai peserta atau pemerhati dalam aktiviti berbentuk seks bagi memuaskan nafsu seperti pelacuran kanak-kanak.

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat



## SANTAI MINDA

Berikan dua contoh penderaan kanak-kanak mengikut jenis penderaan berikut:



## GLOSARI

- Rintihan** – gangguan emosi.  
**Dicucuh** – dikenakan sesuatu yang panas pada tubuh.  
**Sayu** – kemurungan.  
**Mental** – kecelaruan mental.



## DUGA ILMU

A. Isi petak tempat kosong di bawah dengan menulis tindakan yang sesuai.

Menelefon pihak berkuasa

Mengucapkan terima kasih

Membawa anaknya bersama

Rajin ke sekolah

Situasi

Tindakan

Saya mahu menjadi orang yang bijak dan berguna.




Saya sering terdengar anak jiran menangis kerana didera oleh ayahnya.




Encik Yeow meninggalkan anak kecilnya untuk mengisi minyak kereta.




Ibu menghantar saya ke sekolah untuk mempelajari ilmu dan kemahiran.



B. Jawab soalan berikut.

Situasi A



Situasi B



1. Tuliskan situasi yang ditunjukkan dalam kedua-dua gambar di atas.

i. Situasi A

---

---

ii. Situasi B

---

---

2. Nyatakan hak yang perlu diberikan kepada individu dalam situasi A. Jelaskan.

---

---

3. Apakah nilai-nilai murni yang perlu diamalkan oleh individu dalam situasi B?

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

iii. \_\_\_\_\_

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

<b>Skim Pinjaman Buku Teks</b>			
Sekolah _____			
Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: \_\_\_\_\_

Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

<b>Skim Pinjaman Buku Teks</b>			
Sekolah _____			
Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: \_\_\_\_\_

Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**